

28/06/1999

## Bilangan doktor Melayu meningkat

Azman Mahmood

JELI, Ahad - Kementerian Kesihatan akan terus berusaha melahirkan lebih ramai doktor dalam pelbagai bidang perubatan dan kesihatan termasuk pakar bedah anak Melayu di negara ini, sejajar matlamat menjayakan Wawasan 2020.

Sehingga kini, matlamat kerajaan melahirkan ramai doktor anak Melayu dalam bidang perubatan termasuk doktor pakar, menunjukkan kejayaan berbanding ketika negara mula mencapai kemerdekaan.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, berkata sehingga 1999, jumlah doktor Melayu mencapai lebih 5,000 orang berbanding 1997 hanya seramai 4,508 orang.

Katanya, bilangan doktor Melayu yang semakin ramai itu menunjukkan anak Melayu berkeupayaan meneroka bidang itu yang sebelum ini dikuasai bukan Melayu.

"Ketika negara mula mencapai kemerdekaan, bilangan doktor Islam (Melayu) hanya ada 11 orang termasuk Dr Mahathir Mohamad (Perdana Menteri) dan Dr Siti Hasmah Mohd Ali (isteri Perdana Menteri).

"Apabila masuk era Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada 1970, bilangan doktor Islam meningkat kepada kira-kira 70 orang," katanya berucap di majlis Hari Terbuka Klinik Kesihatan Jeli di sini, petang semalam.

Perasmian majlis itu dilakukan Menteri Pembangunan Usahawan yang juga Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed dan turut hadir Pengarah Kesihatan Kelantan, Dr Abdul Rahman Muda.

Mohd Ali berkata, keupayaan begitu cemerlang terus terbukti terutama dalam bidang pembedahan membabitkan kes-kes sukar seperti pemindahan organ dan pembedahan jantung yang juga mampu dilakukan doktor Melayu.

Menurutnya, ketika ini ada kira-kira 16 pakar bedah Melayu yang mampu melaksanakan tugas itu dengan cemerlang setanding pakar bedah negara maju.

"Berdasarkan pelbagai kes pembedahan termasuk berkaitan jantung, keseluruhannya 99 peratus mencapai kejayaan dilakukan pakar bedah Melayu.

"Jadi, jelas umat Islam di negara ini mempunyai keupayaan setanding bukan Islam dalam apa saja bidang termasuk perubatan dan kesihatan," katanya.

Bagi tujuan itu, katanya Kementerian Kesihatan akan terus mengambil pelbagai langkah sewajarnya bagi melahirkan lebih ramai doktor dan doktor pakar anak Melayu untuk meningkatkan lagi kemajuan bidang perubatan dan kesihatan negara setanding negara maju.

Katanya, pada masa sama, kementerian terus melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan taraf kesihatan rakyat bagi dilaksanakan di semua peringkat di seluruh negara, khususnya di Kelantan yang masih kekurangan dalam segala aspek berikutan kurang perhatian kerajaan Pas di negeri itu.

(END)